

17 FEB 2000

Samy-Jalan

PROJEK RM240 JUTA UNTUK ATASI KESESAKAN DI SUBANG JAYA

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Kertas kerja projek penyuraian trafik berharga RM240 juta bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di Subang Jaya, Kelana Jaya, USJ dan Bandar Sunway akan dibentangkan kepada Kabinet Rabu ini, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Projek itu adalah bagi mengatasi kesesakan yang teruk di kawasan-kawasan itu sekarang sehingga mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang telah mengarahkan ia diatasi segera.

Samy Vellu berkata, projek itu dilaksanakan dalam dua bahagian dengan bahagian utama projek itu melibatkan pembinaan satu lagi persimpangan bertingkat di atas jalan sedia ada dari Jalan Kewajipan, Subang Jaya untuk masuk ke Jalanraya Persekutuan dan jalan pilihan untuk keluar ke Jalan Subang menuju Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

"Jalan atas ini membolehkan pemandu menyambung terus ke Lebuhraya Selat Klang Utara (NKVE) untuk ke Kuala Lumpur," katanya pada persidangan berita selepas perbincangan dengan wakil-wakil penduduk kawasan-kawasan itu, pemaju Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) dan pegawai Kementerian di sini, hari ini.

Beliau berkata, pada masa yang sama jalan masuk ke Subang Jaya dan USJ akan disediakan bagi pemandu yang datang dari arah Klang untuk menampung lebih 140,000 kenderaan setiap hari.

Semua jalan itu dianggarkan sejauh tiga km dan akan mengambil masa dua setengah tahun untuk disiapkan.

Samy Vellu berkata bahagian kedua melibatkan langkah segera mengubah lampu isyarat daripada empat peringkat yang ada sekarang kepada dua peringkat yang akan mempercepatkan aliran kenderaan di persimpangan dua tingkat dekat Motorola.

"Kita juga akan alihkan arah semua trafik dari Kelana Jaya ke jalan atas di `jambatan tergantung' dan membenarkan pusingan-U selepas plaza tol (LDP di Petaling Jaya)," dan menambah kata bahawa dua lorong di plaza tol itu akan dibuka percuma 24 jam sehari untuk pemandu membuat pusingan-U.

Langkah-langkah bahagian kedua ini dapat dilaksanakan dalam masa 10 hari lagi dan sehingga ini beberapa kerja sudah dijalankan termasuk tinjauan dari udara bagi menentukan jumlah lalu lintas yang menggunakan jalan-jalan terlibat.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada semua persatuan penduduk dan LDP atas kerjasama mereka, beliau berkata kerajaan akan berbuat apa sahaja yang akan mendatangkan faedah kepada rakyat.

Samy Vellu berkata, Kementerian juga sedang mengkaji saluran baru bagi menyambung jalan-jalan sedia ada untuk mengatasi kesesakan itu.

Beliau menjelaskan bahawa keputusan kerajaan membina projek itu didorong fakta bahawa sebanyak 460,000 kenderaan menggunakan Jalanraya Persekutuan setiap hari sekarang dan jumlah itu dijangka mencecah 600,000 dalam masa setahun dua lagi jika langkah tidak diambil bagi menyuraikannya mulai sekarang.

Sementara itu Anggota Parlimen Subang Tan Sri K.S Nijhar berkata penduduk di kawasan berkenaan kini gembira kerana dalam tempoh terdekat ini mereka akan mempunyai pilihan tiga jalan keluar ke Jalanraya Persekutuan, Lebuhraya LDP dan Lebuhraya NKVE sama ada untuk ke Kuala Lumpur atau ke Klang.

Beliau berkata kawasan itu memang padat bukan sahaja kerana bilangan

rumah hampir mencapai 50,000 buah tetapi juga aliran keluar masuk pekerja kilang yang dijangka melebihi 25,000 orang setiap hari.

-- BERNAMA

MNY PR